

Artikel

Pengetahuan HIV/AIDS dan Faktor Keterlibatan dalam Hubungan Romantik serta Ketertarikan Seks Sesama Jantina : Kajian Kes dalam kalangan Mahasiswa Gay

(HIV/AIDS Knowledge and the Factors of Involvement in Same-Sex Romantic Relationship and Same-Sex Sexual Attraction: A Case Study Among Gay University Students)

Nazmi N, Ezarina Z* & Norulhuda S

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: ezaz@ukm.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan meneroka pengetahuan mahasiswa tentang risiko jangkitan HIV/AIDS, faktor keterlibatan dalam hubungan romantik dan ketertarikan seks sesama jantina. Masih kurang kajian yang memberi tumpuan kepada amalan hubungan romantik dan ketertarikan seks sesama jantina serta kesedaran mahasiswa tentang HIV/AIDS impak daripada tingkah laku seks berisiko ini. Banyak kajian terdahulu lebih menumpu kepada faktor keterlibatan dalam hubungan romantik dan ketertarikan seks sesama jantina tanpa mengaitkannya dengan kesedaran mahasiswa gay terhadap jangkitan HIV. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dan direkabentuk bersesuaian kaedah kajian kualitatif. Seramai empat informan dalam kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang membuat pengakuan identiti gay telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan informan adalah menggunakan teknik Persampelan *Snow Ball*. Pengumpulan data telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan medium *Google Meet*. Semua informan ditemubual dalam talian secara konferen video. Data temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil analisis menunjukkan terdapat empat faktor risiko keterlibatan mahasiswa dalam hubungan romantik dan tingkah laku seksual sesama jantina iaitu (i) pengalaman menjadi mangsa gangguan seksual semasa kecil, (ii) faktor naluri semulajadi, (iii) pengaruh rakan/komuniti berisiko gay dan (iv) pengaruh negatif daripada media sosial dan internet. Informan juga mempunyai pengetahuan asas tentang risiko jangkitan HIV. Walau bagaimanapun, kesemua informan percaya tingkah laku mereka mempunyai risiko rendah dan tidak mudah untuk dijangkiti HIV. Salah faham tentang risiko jangkitan HIV bagi seks tidak selamat dan seks luar tabi' dipercayai mendorong amalan hubungan seks sesama jantina dilakukan tanpa rasa takut dan menurunnya keprihatinan kepada seks selamat dalam kalangan mahasiswa gay. Kajian mencadangkan salah faham tentang risiko jangkitan HIV sebagai faktor baharu penyebab amalan seks sesama jantina yang berterusan dalam kalangan informan yang dikaji. Intervensi perlu dibentuk bersesuaian faktor risiko hubungan romantik dan tingkah laku seksual sesama jantina agar ia dapat dibendung daripada menular dalam kalangan mahasiswa gay.

Kata kunci: pengetahuan HIV/AIDS, hubungan romantik sesama jantina, ketertarikan seks sesama jantina, faktor risiko keterlibatan, mahasiswa Gay.

Abstract: This study aims to explore the knowledge of HIV/AIDS infection risk and the factors that contribute to same-sex romantic relationship involvement and same-sex sexual attractions among university students. Less studies have been done focusing on same-sex romantic relationships and same-sex sexual attraction among self-identified gay university students and their awareness of the HIV/AIDS impact due to risky sexual behaviour. Many previous studies were found to focus only on gay students' romantic relationships and same-sex sexual attraction involvement factors without relating these factors with their awareness of HIV infection.

This study uses a case study approach and is designed following qualitative research methods. Four students who self-identified as gay were selected as informants. Snow Ball Sampling is used as the informants' selection technique. Data collection was conducted online using the Google Meet platform. All informants were interviewed online via video conference. The thematic analysis has been used to analyse the interview data. The study analysis demonstrated four risk factors conduce to a same-sex romantic relationship and same-sex sexual behaviours among gay students: (i) sexual abuse experienced during childhood; (ii) same-sex sexual attraction as an instinct factor; (iii) gay friends/community influenced and (iv) internet and social media negative influence. All informants are identified to have basic HIV risk infection knowledge. However, those in a same-sex relationship believe same-sex romantic relationships and same-sex sexual practices have a low risk of HIV infection. The misunderstanding of HIV infection in same-sex sexual practices and unsafe sex is believed to contribute to a consistent no fear of same-sex sexual practices and less concern towards safe sex among gay students. This study suggests a misunderstanding of HIV infection as the new factor contributing to continuous same-sex sexual practices among studied informants. Intervention needs to be developed tailored to the same-sex romantic relationship and same-sex sexual attraction risk factors to curb the spread among gay students.

Keywords: HIV/AIDS knowledge, same-sex romantic relationships, same-sex sexual attraction, risk factors involvement, Gay students.

Pengenalan

Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender atau singkatan yang dikenali secara umum sebagai LGBT merupakan kumpulan individu yang terlibat dengan orientasi atau tingkah laku seksual secara songsang dan mengamalkan norma bertentangan daripada apa yang diterima umum (Abdullah, 2018) khususnya agama. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mendedahkan peningkatan bilangan golongan gay dan transgender di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan (Dermawan, 2018). Peningkatan trend yang dikategorikan sebagai membimbangkan sebenarnya telah direkodkan dan data-data tersebut diperolehi daripada pelbagai sumber (Berita Harian, 2018). JAKIM turut mendedahkan peningkatan statistik komuniti gay yang direkodkan. Statistik tahun 2018 menunjukkan seramai 310,000 individu lelaki telah terlibat sebagai ahli dalam perkumpulan yang mengaitkan mereka dalam komuniti gay berbanding 173,000 kes yang direkodkan pada tahun 2013 (Dermawan, 2018).

Menurut Deraman et al. (2018), kumpulan LGBT telah mencetuskan pelbagai kontroversi terutamanya apabila kumpulan ini menuntut '*Sexual Orientation and Gender Identity (SOGI)*' sebagai salah satu hak asasi manusia dan banyak negara termasuk Malaysia enggan mengiktiraf hak tersebut (Ghazali, Mapjabil & Nor, 2011). Beberapa laporan mendokumentasikan suara LGBT yang dikatakan telah menerima layanan buruk dan hak mereka untuk hidup dengan identiti LGBT telah dinafikan oleh pelbagai pihak. Malah Malaysia merupakan salah satu negara yang terlibat bersama dengan 72 negara lain mengklasifikasikan amalan homoseksualiti sebagai perlakuan jenayah (Tan, 2018). Jenayah homoseksualiti adalah perlakuan seksual yang melanggar norma masyarakat dan merupakan kesalahan berdasarkan sistem perundangan di Malaysia (Bakar, 2021).

Joint United Nations Program on HIV/AIDS (UNAIDS) mengkategorikan lelaki gay dan lelaki dewasa lain yang melakukan hubungan seks sesama jenis, pekerja seks, kumpulan transgender, penagih dadah berkongsi jarum suntikan dan banduan sebagai lima populasi rentan HIV serta kebiasaannya kurang akses kepada perkhidmatan pencegahan dan rawatan akibat stigma. Istilah gay hanya digunakan kepada individu yang mengakui atau mendedahkan identiti mereka sebagai gay sahaja. Jika tidak, terma yang digunakan oleh UNAIDS dan semua laporan dokumentasi antarabangsa adalah ketertarikan seks sesama jenis, tingkah laku seksual sesama jenis dan identiti budaya seks sejenis bagi menggambarkan ciri yang sama dengan gay (UNAIDS 2015 - UNAIDS Terminology Guidelines). Namun bagi maksud artikel ini, terma gay akan digunakan secara umum bagi keseluruhan perbincangan artikel. Ini kerana kesemua informan kajian mengakui identiti sebagai gay. Ketertarikan seks terhadap jantina yang sama dan tingkah laku seksual membawa maksud

seseorang individu itu mempunyai pengalaman mengadakan hubungan seks yang kemudiannya mendorong kepada hubungan lebih intim secara rutin. Bagi maksud perbincangan artikel ini, tingkah laku seksual ini turut melibatkan keinginan yang mendorong peningkatan aktiviti seksual sesama jantina (UNAIDS 2020 ; 2015). Menurut Laksana dan Lestari (2010) serta Dwilaksono & Rahardjo (2013) dari aspek amalan romantik dan kecenderungan hubungan seks pula, majoriti lelaki gay berminat untuk melakukan seks anal dan kebiasaannya melakukan aktiviti seks seperti bersentuhan tubuh atau melakukan masturbasi untuk kepuasan satu sama lain.

Apakah keadaan terkini sehingga skop ini menjadi penting untuk dikaji? Pandemik Covid-19 menggegarkan institusi kesihatan awam untuk berdepan secara agresif dan holistik dalam memastikan penyebaran virus Covid terkawal. Tumpuan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada aksesibiliti rawatan dan pencegahan penyakit berjangkit lain termasuklah HIV/AIDS. Negara berpendapatan rendah dan sederhana bergelut dengan tuntutan kewangan bagi menangani Covid-19 menjadikan sumber memerangi HIV berkurangan. Situasi ini mencetuskan kemungkinan kumpulan berisiko menjadi rentan (*vulnerable*) dan sangat terdedah kepada jangkitan. Kadar penurunan jangkitan HIV pada 2020-2021 dikira sebagai penurunan prevalens terendah sejak 2016 dengan hanya 3.6% kadar penurunan kes. Negara Eropah Barat, Eropah Tengah dan Amerika Utara melaporkan 64% jumlah keseluruhan jangkitan baharu HIV adalah daripada kumpulan lelaki yang melakukan hubungan seks sesama jantina (*Men who have sex with men*) (UNAIDS Human Rights Fact Sheet Series, 2021). Data UNAIDS juga menunjukkan negara seperti Malaysia dan Filipina mempunyai peningkatan jangkitan baharu dalam populasi berisiko HIV walaupun prevalens kes bagi populasi tersebut telahpun menurun sebelum ini iaitu sejak sepuluh tahun lalu (UNAIDS, 2020 ; 2022). Apabila Malaysia masih menunjukkan kecenderungan meningkatnya keterlibatan kumpulan gay dan individu yang mengamalkan hubungan romantik sesama jantina khususnya dalam kalangan belia (Berita Harian, 2018 ; Dermawan, 2018 ; Deraman et al. 2018), satu penerokaan perlu dilakukan untuk mengenal pasti faktor kecenderungan tarikan seks dan pengetahuan individu terlibat tentang jangkitan HIV meskipun kempen kesedaran risiko HIV melibatkan kumpulan ini telah sekian lama dilakukan.

Meskipun JAKIM mendedahkan bilangan individu dikesan terlibat mengamalkan gaya hidup LGBT semakin meningkat, pengalaman belia daripada pelbagai status akademik sebagai gay masih belum diterokai sepenuhnya oleh penyelidik lain. Persoalan timbul mengenai faktor keterlibatan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam hubungan romantik dan tingkah laku seksual sesama jantina. Bagi memastikan pemahaman yang mendalam diperolehi dengan mengambil kira latar status pendidikan, satu kajian penerokaan telah dilakukan dengan memberi tumpuan kepada mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. Artikel ini akan membincangkan penemuan berkenaan faktor risiko keterlibatan mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi dalam hubungan romantik dan ketertarikan seks sesama jantina. Artikel turut mengetengahkan penemuan tentang pengetahuan dan kepekaan mahasiswa yang dikaji berkenaan risiko jangkitan HIV/AIDS bagi mereka yang mengamalkan hubungan seks sejenis.

Ulasan Literatur

Pertambahan bilangan LGBT sebenarnya didorong oleh beberapa faktor termasuklah pendedahan kepada platform media sosial (Harper, Serrano, Bruce & Bauermeister, 2016 ; Harper, Serrano, Bruce & Jamil, 2009). Remaja dan belia khususnya mudah mengakses media sosial tertentu untuk capaian kepada cara hidup dan perkongsian pemikiran tentang ketertarikan seks sesama jantina. Pengaruh daripada internet telah menjadi faktor signifikan peningkatan jumlah golongan gay melayari video lucah gay yang boleh dimuat turun menerusi aplikasi gay di *Apps Store* atau *Google Play Store*. Internet dengan aplikasi tertentu lebih disukai kerana ia bersifat *anonymous* yang menjaga kerahsiaan pelayar internet. Interaksi menjadi lebih bebas dan pendedahan identiti dianggap kurang merbahaya. Penggunaan internet dan aplikasinya menjadi pilihan utama oleh Gay untuk perhubungan dalam komuniti (Zhang, Reynolds, Huang et al. 2022). Ini kerana i) eksplorasi jaringan gay lain bersifat tanpa nama (*anonymous*), ii) perkongsian adalah kasual, iii) perbualan atas talian dan iv) perjumpaan bersemuka boleh dilakukan secara tertutup (Harper et al. 2016 ; Harper et al. 2009). Internet juga menjadi faktor mendorong tingkah laku seksual sesama jantina kerana maklumat di internet boleh dipercayai apabila banyak maklumat berkenaan identiti seksual dikongsi. Remaja dan belia yang dikaji oleh Harper et al. (2016) sebagai contoh mengakui mereka i) lebih mengenali identiti orientasi seksual diri

mereka sendiri, ii) mempelajari tentang kehidupan komuniti gay/biseksual, iii) berkomunikasi dengan ramai individu gay/biseksual lain, iv) merasa selesa dan menghargai penerimaan orang lain tentang orientasi seksual dan v) merasa selamat apabila dibantu dalam pendedahan status identiti. Malah ramai yang melayari internet mempunyai tujuan khusus bukan sahaja untuk mencari pasangan romantik sesama jenis malah cenderung mencari pasangan baharu dan bertukar pasangan romantik menerusi aplikasi di dalam talian (Kubicek, Carpineto, McDavitt, Weiss & Kipke, 2011 ; Bauermeister, Leslie-Santana, Johns, Pingel & Eisenberg, 2011)

Kajian terdahulu mendokumentasikan pengalaman sebilangan besar individu yang telah dicabul dan disentuh secara tidak sesuai oleh orang dewasa sewaktu mereka masih kanak-kanak dan remaja dalam lingkungan usia 12 tahun hingga 15 tahun. Pengalaman ini diakui menjadi titik awal bermulanya pengalaman identiti seksual LGBT. Pada peringkat perkembangan kanak-kanak yang masih belum matang dan tidak mampu membezakan jenis sentuhan yang dilakukan oleh orang dewasa ke atas diri mereka, rasa salah faham dan dilema juga sering muncul (Mohd Izwan, 2018). Malah terdapat situasi individu yang asalnya dalam trauma merasa diri sebagai mangsa menjadi semakin selesa apabila kerap melakukan hubungan dan merasa lebih diterima oleh pasangan sesama jantina berbanding orang lain. Tidak kurang juga mangsa yang asalnya dalam dilema identiti, mengaku mengalami ketagihan seks dan naluri ketertarikan sesama jantina yang menjadi semakin kuat apabila meningkat usia dewasa. Kesannya, individu yang asalnya merasa diri mereka sebagai mangsa kemudiannya cenderung mengamalkan seks sejenis dan ramai juga dengan berani mendedahkan identiti LGBT. Kajian juga mendokumentasikan penemuan faktor lain pembentukan identiti seksual gay iaitu sosialisasi peranan dalam keluarga menerusi pola asuhan bayi atau kanak-kanak, gejala buli, pendedahan pornografi dan persekitaran sosial individu yang terlibat.

Pengaruh dalaman menjadikan seseorang lelaki tertarik untuk menyukai lelaki yang lain. Menurut Khir & Rafsanjani (2018), i) naluri semulajadi, ii) trauma sebagai mangsa gangguan seksual masa kecil atau remaja, iii) kurangnya penghayatan ilmu agama dan iv) mempunyai fahaman atau pemikiran yang terlalu terbuka terhadap cara hidup gay merupakan pengaruh dalaman individu. Manakala daripada aspek pengaruh luaran pula adalah seperti i) pengaruh media sosial, ii) wujudnya ruang dan peluang amalan seks sesama jantina, iii) pengaruh daripada persekitaran sosial serta iv) keberadaan rakan sebaya yang merupakan gay. Belia yang mempunyai naluri semula jadi untuk suka jantina serupa dengan keinginan hubungan intim dan seks dikategorikan menjadi gay kerana pengaruh dalaman. Sebaliknya mempunyai rakan gay diklasifikasi pengaruh luaran apabila pergaulan dengan kumpulan ini akan mendorong minat yang sama. Rakan dalam persekitaran sosial sebenarnya memainkan peranan penting untuk menentukan perwatakan dan personaliti informan sebagai seorang lelaki bagi skop perbincangan artikel ini (Akhir, Abdullah & Kamaluddin, 2019 ; Abdullah & Akhir, 2019). Malah kajian lepas turut menunjukkan gay yang dikaji telah mencari lebih ramai kenalan yang dirasakan mempunyai keinginan yang sama. Interaksi dan saling mempengaruhi pemikiran serta minat dengan cara hidup orientasi seksual sama jenis menjadi punca perapatan antara mereka. Informan dalam kajian terdahulu mengakui bahawa sejak terlibat, mereka sendiri akan bertindak mempengaruhi kenalan atau jaringan lain untuk sama-sama terlibat menjadi gay. Kedua-dua pengaruh dalaman dan luaran ini menjadi penemuan signifikan kajian terdahulu (Khir & Rafsanjani, 2018 : Suwanti, 2010).

Menurut Zhou et al. (2014) pula, individu yang melakukan hubungan seks atau mempunyai ketertarikan seksual sesama jantina berpunca oleh faktor personaliti. Penemuan kajian Zhou et al. (2014) ini kemudiannya turut didokumentasikan sebagai penemuan dalam kajian oleh Abdullah & Akhir (2019) yang melaporkan bagaimana personaliti individu mendorong keterlibatannya dalam hubungan romantis dan keinginan seks sesama jantina. Jelas Zhou et al. (2014) lagi, disebabkan orientasi homoseksual yang diperolehi daripada persekitaran sosial individu pada masa lampau, informan di dalam kajian beliau semakin aktif untuk terlibat menjadi gay semasa dewasa. Justifikasinya, masyarakat dalam persekitaran sosial yang tidak bertoleransi dengan golongan homoseksual yang ditunjukkan menerusi stigma, penolakan dan tekanan telah menyebabkan golongan ini meluangkan lebih masa bersama dengan individu homoseksual yang lain serta lebih kerap untuk terlibat dalam aktiviti yang berkaitan identiti gay bagi memenuhi nafsu atau keinginan mereka (Martin-Storey & Crosnoe, 2012). Penerimaan begini menjadikan mereka kekal dalam status hubungan dan berusaha untuk terus kekal dengan orientasi seksual bersama pasangan sesama jantina. Seterusnya, jika seseorang lelaki gay itu mempunyai kehendak dan keyakinan diri yang tinggi untuk menjalinkan hubungan bersama lelaki lain,

keadaan ini boleh meningkatkan kemampuan individu tersebut untuk mencari pasangan serta mengekalkan hubungan romantik yang dibina. Hubungan romantik ini malah dianggap sebagai sokongan sosial yang penting untuk kesihatan dan kesejahteraan mental serta fizikal (Holmberg & Blair, 2016 ; Blair & Holmberg, 2008). Namun begitu, Darmayanti & Sumitri (2018) melaporkan sudut pandang berbeza. Hasil kajian mereka mendapati seseorang individu yang terlibat dengan seks sesama jantina adalah atas faktor tindak balas akibat trauma sebagai mangsa kekerasan atau keganasan seksual. Impaknya, individu tersebut melepaskan pula rasa tidak puas hati kerana dikasari dengan melakukan perkara sama kepada individu lain. Selain wujud kemungkinan keinginan seksual yang tinggi, kekerasan seksual yang dilakukan selalunya bertujuan melepaskan kemarahan, membalas dendam, menunjukkan kuasa ataupun bertujuan membuli pelajar lain sewaktu persekolahan.

Metodologi

Penyelidikan kualitatif ini berbentuk kajian kes yang meneroka pengalaman individu secara menyeluruh melalui sesi temu bual mendalam. Persampelan *Snow Ball* telah dipilih sebagai teknik persampelan. Menurut Biernacki & Waldford (1981), Persampelan *Snow Ball* merupakan kaedah mendapatkan sampel informan baharu dalam kajian berdasarkan rujukan yang diberikan oleh informan sedia ada yang memenuhi kriteria kajian penyelidik. Persampelan ini sangat relevan bagi kajian yang sukar mendapatkan informan daripada sumber sekunder seperti laporan bertulis dan statistik. Komuniti gay adalah informan yang sukar dikenalpasti dan akses kepada mereka bergantung kepada sejauhmana komuniti ini terbuka mendedahkan status dan mahu terlibat sebagai informan kajian. Usaha menjejaki informan kategori sukar dicapai seperti fokus kajian ini memerlukan teknik persampelan *snow ball* bagi memastikan individu dengan ciri-ciri sebenar boleh dipilih sebagai informan. Menerusi teknik persampelan bola salji ini, penyelidik telah mendapatkan informan daripada kenalan atau rakan yang dirujuk oleh informan yang telah ditemubual sebelum ini.

Bilangan informan semasa tempoh kajian dijalankan adalah seramai empat orang sahaja. Kriteria bagi pemilihan informan adalah mahasiswa yang mengakui menjalinkan hubungan romantik serta terlibat mengadakan hubungan seksual sesama jantina. Kajian kualitatif ini tidak menumpu kepada bilangan saiz sampel yang ramai tetapi sebaliknya mengutamakan kedalaman data topik yang dikaji.

Kaedah temu bual mendalam (*in-depth interview*) diaplikasi dengan membangunkan protokol soalan tidak berstruktur. Kaedah ini relevan dengan konteks kajian yang memerlukan informan membincangkan secara mendalam topik yang sensitif seperti faktor risiko keterlibatan mahasiswa di Malaysia dalam hubungan romantik dan tingkah laku seksual sesama jantina. Protokol soalan temu bual telah dirangka berdasarkan objektif kajian. Kajian dijalankan semasa pandemik Covid 19 maka tiada temu bual bersemuka secara fizikal. Sebagai usaha mengelakkan risiko penularan virus COVID-19 semasa musim pandemik ini, penyelidik dan informan bersetuju untuk melakukan temu bual secara atas talian. Kesemua temu bual telah dilakukan di pelantar *Google Meet*. Tempoh temu bual adalah selama 60 minit secara purata. Setiap informan ditemubual sebanyak dua kali secara purata mengikut keperluan. Pengkaji mendapati temu bual secara atas talian (rakaman visual dan audio) telah menjadi nilai tambah untuk topik yang berkaitan dengan isu sensitif begini kerana informan didapati lebih mudah untuk menceritakan kisah peribadi. Informan kajian ini merasa lebih yakin temu bual atas talian lebih menjamin kerahsiaan.

Analisis tematik telah digunakan untuk menginterpretasi data daripada transkrip verbatim temu bual. Kajian ini mengaplikasi enam langkah dalam melakukan analisis tematik ini. Langkah analisis tematik bagi kajian ini memerlukan pengkaji : (i) membiasakan diri dengan keseluruhan data, (ii) mencipta kod awalan, (iii) mencari tema, (iv) menyemak semula tema, (v) tentukan tema dan (vi) penulisan.

Penemuan dan Perbincangan

Penemuan kajian terdahulu seperti dibincangkan di awal artikel ini mendokumentasikan bagaimana pengalaman gangguan seksual sesama jantina pada masa kecil telah menyebabkan individu menjadi lelaki gay dan lelaki yang tertarik kepada hubungan seks semasa jantina apabila menganjak dewasa. Sejauh mana kajian ini pula menyokong penemuan kajian terdahulu khususnya bagi kumpulan mahasiswa akan dibincangkan dalam bahagian ini mengikut 1) profil informan, 2) pengetahuan HIV/AIDS dan 3) faktor keterlibatan.

Penemuan ini kemudiannya turut diolah dengan mengaitkan sejauhmana tahap pengetahuan informan berkenaan jangkitan HIV/AIDS berkait dengan kecenderungan mereka untuk terus terlibat dalam hubungan romantik berisiko. Maklumat IPT tidak didedahkan.

1. Profil Informan

Seramai empat informan lelaki berbangsa Melayu dan beragama Islam telah terlibat dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan informan berumur dalam lingkungan 22 tahun hingga 24 tahun. Informan mengikuti pengajian peringkat Sarjana Muda dan Diploma di dua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan dua informan dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Informan mengakui telah mempunyai ketertarikan seksual ke atas jantina sama dan selesa sebagai lelaki gay sejak lebih daripada 10 tahun. Dua informan mendedahkan mereka telah menjalani kehidupan dengan identiti seksual sebagai lelaki gay selama 17 tahun. Kesemua informan kekal aktif mengadakan hubungan seks bersama pasangan mereka yang sama jantina dan tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan daripada perbuatan amalan seks sesama jantina. Menurut informan, ini berkemungkinan kerana identiti dan amalan ini dilakukan secara bersembunyi.

Jadual 1. Profil Mahasiswa yang Terlibat dalam Hubungan Romantik dan Ketertarikan Seksual Sesama Jantina

Profil	Informan A	Informan B	Informan C	Informan D
Umur	24 tahun	22 tahun	24 tahun	23 tahun
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu
Agama	Islam	Islam	Islam	Islam
Pendidikan	Pelajar Sarjana Muda	Pelajar Diploma	Pelajar Sarjana Muda	Pelajar Sarjana Muda
Tempoh menjalin hubungan romantik	11 tahun (2010)	17 tahun (2004)	12 tahun (2009)	17 tahun (2004)
Status hubungan	Aktif	Aktif	Aktif	Aktif
Ahli keluarga lain yang terlibat	Sepupu	Tiada	Tidak pasti	Bapa Saudara
Pengalaman dikenakan tindakan	Tidak pernah	Tidak pernah	Tidak pernah	Tidak pernah

N = 4 orang

Dapatan bahagian ini secara langsung membantu penyelidik untuk mengenalpasti latar belakang umum mahasiswa yang terlibat dan status amalan hubungan romantik serta pengalaman mereka lalu yang telah mendorong ketertarikan seksual sesama jantina. Pengenalpastian profil turut membantu kajian meneroka lebih lanjut berkenaan pengetahuan dan kesedaran informan tentang risiko jangkitan HIV/AIDS.

2. Pengetahuan HIV/AIDS

Pengetahuan mahasiswa *gay* mengenai HIV/AIDS telah dikenalpasti dengan tujuan meneroka sejauhmanakah pengetahuan ini mempunyai kesan kepada ketertarikan seks sesama jantina. Dapatan menunjukkan kesemua informan mempunyai pengetahuan tentang punca transmisi HIV. Informan mengetahui HIV dijangkiti atau boleh disebarkan menerusi (i) pengamalan seks berisiko, (ii) pemindahan darah, (iii) seks tidak selamat selepas dijangkiti HIV dan (iv) perkongsian jarum serta alat suntikan. Kesemua informan didapati sedar berkenaan impak jangkitan HIV khususnya bagaimana HIV (i) melemahkan sistem imunisasi badan, (ii) cenderung

menimbulkan tekanan mental, (iii) mengurangkan produktiviti atau kecergasan fizikal apabila sistem imun terjejas (iv) menggalakkan stigma dan pengasingan diri oleh pembawa HIV dalam masyarakat, (v) kebergantungan kepada ubat-ubatan dan (vi) kesukaran untuk berkeluarga. Akhir sekali, pemahaman informan berkenaan langkah pencegahan risiko HIV/AIDS turut diteroka. Terdapat empat langkah yang diyakini informan berupaya mengelakkan daripada dijangkiti HIV/AIDS iaitu (i) mengamalkan seks selamat, (ii) kerap melakukan pemeriksaan kesihatan, (iii) mengamalkan gaya hidup sihat dan (iv) mengambil suplemen bagi mencegah penularan virus HIV/AIDS di dalam badan.

Walaupun penemuan menunjukkan informan yang dikaji mempunyai pengetahuan asas berkenaan HIV/AIDS namun ketertarikan seks dan amalan romantik sesama jantina masih berterusan. Analisis lanjut mendapati kecenderungan ini diyakini berpunca daripada rasa percaya informan kepada kemampuan untuk mencegah daripada dijangkiti. Laporan verbatim menggambarkan terdapat pemahaman yang tidak tepat mengenai pengesanan jangkitan menerusi pemeriksaan kesihatan seperti mana digambarkan oleh dua informan berikut :

“...Kalau medical check-up, setiap bulan kita perlu ke doktor untuk check sama ada tubuh badan kita ada jangkitan ataupun tidak. So, daripada situ kita boleh dapat rawatan daripada doktor sama ada doktor akan bagi ubat atau rawatan yang sepatutnya lah...”

(Informan B (22), IPTS 1)

“...jumpa doktor, consult dengan doktor kalau dia hendak beri ubat ke. So, that ia boleh kawal kita punya... in case kita belum positif tapi kalau kita sudah ambil aaaa ubat from doctor, so, maybe aaaa kadar keberjangkitan itu akan kurang sebab dia boleh terus fight that virus. And then, untuk hubungan sejenis ini, saya sarankan untuk kalau kita sudah terlanjur, sudah terjebak, so, once kita sudah lakukan hubungan seksual tersebut dalam masa keesokkannya ataupun beberapa hari selepas kita lakukan hubungan itu, pergi jumpa doktor untuk buat test. Sebab kalau kita tidak test, kita tidak tahu status diri kita. So, kita kena test cepat-cepat, tidak kira lah kalau kita lakukan sexual intercourse yang melibarkan sebarang penetration terhadap alat-alat kelamin ataupun just oral sex, kita jumpa, kita buat test and dapat consult from doctor. Tengok result kita bagaimana, ada STD ke, just ataupun just negatif HIV. So, doktor itu boleh ambil Tindakan seterusnya. So, untuk HIV ini pula, kita kena kerap berjumpa dengan doktor. Kalau once sudah berjumpa dengan doktor, biasanya dia akan bagi masa tiga bulan. So, setiap kali appointment itu patuhilah masa appointment itu dan pergi, kalau tidak pergi, kita tidak tahu pun diri kita ini bagaimana...”

(Informan D (23), IPTS 2)

UNAIDS (2022) melaporkan 33.5% kumpulan lelaki yang melakukan hubungan seks sesama jantina didapati tidak mengetahui tentang status HIV mereka. Kumpulan ini sering menganggap risiko tingkah laku mereka adalah rendah dan tidak mudah untuk dijangkiti. Malah kajian oleh Wagenaar, Sullivan & Stephenson (2012) telah lebih awal menggambarkan ramai lelaki gay tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang risiko jangkitan HIV meskipun kes banyak berpunca daripada amalan berisiko seks sesama jantina ini. Salah faham yang sama tentang risiko jangkitan HIV bagi seks tidak selamat dan seks luar tabi' seperti penemuan kajian ini dipercayai mendorong amalan hubungan seks sesama jantina dilakukan tanpa rasa takut dan menurunnya keprihatinan kepada perlindungan seks selamat.

Pengetahuan yang kurang tepat khususnya tentang pencegahan kebolehjangkitan dan sebaran HIV menerusi tingkah laku seks berisiko memberi justifikasi mengapa informan yang dikaji kurang peka dan terus mempunyai kecenderungan seks sesama jantina. Informan juga terbukti kekal dengan amalan hubungan romantik dan seks sesama jenis bagi tempoh lama iaitu melebihi 10 tahun. Kajian mencadangkan salah faham

tentang risiko jangkitan HIV sebagai faktor baharu penyebab amalan seks sesama jantina yang berterusan dalam kalangan informan yang dikaji.

3. Faktor Berisiko Keterlibatan Mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi Dalam Hubungan Romantik Dan Tingkah Laku Seksual Sesama Jantina

Analisis tematik yang dilakukan telah mengenalpasti empat tema utama faktor risiko keterlibatan mahasiswa dalam hubungan romantik dan ketertarikan seksual sesama jantina selain faktor kurang kepekaan tentang jangkitan HIV. Informan yang ditemubual mengakui tertarik dengan hubungan romantik dan aktiviti seksual sesama jantina kerana i) mempunyai pengalaman diganggu secara seksual semasa kecil, ii) naluri semula jadi, iii) pengaruh rakan berisiko dan iv) pengaruh aksesibiliti bahan di internet.

Mangsa gangguan seksual semasa kecil

Kesemua informan yang menyertai kajian ini pernah mengalami gangguan seksual semasa kecil oleh individu lelaki yang lebih dewasa daripada mereka. Penyelidik mendapati dua daripada empat informan pernah mengalami gangguan seksual oleh ahli keluarga sendiri. Seorang informan pula pernah diganggu secara seksual oleh jiran. Pengalaman lampau gangguan seksual oleh lelaki dewasa secara tidak langsung diakui oleh informan menjadi punca awal mereka mempunyai ketertarikan seksual sesama jantina. Tarikan menjadi lebih ketara apabila informan meningkat remaja.

“...I have been molested because of my feminine attributes that I have had since kecil. So, benda itu sudah starting, I would say that is the reason why saya dalam dunia gay ini...”

“...okay my first pengalaman having bukan intercourse, dia macam it was a force to give a hit first dekat my cousin semasa kecil...”

(Informan A (24), IPTA 1)

Informan A pernah dicabul oleh sepupunya sendiri yang berusia 19 tahun disebabkan oleh sifat feminin yang terdapat pada diri informan semasa kecil. Pada mulanya, informan berasa benci terhadap pengalaman gangguan seksual yang pernah dialami olehnya, namun lama-kelamaan pengalaman tersebut membuatkan beliau berasa selesa untuk terus terlibat mengamalkan hubungan sebagai gay.

Informan D pula menceritakan *“...saya menjadi seperti ini sejak kecil. Okay, disebalik cerita ini adalah disebabkan oleh pak cik, sebab dia macam, dulu dia suka kiss and then lama-lama tertarik hati kepada lelaki...”*

(Informan D (23), IPTS 2)

Pengalaman gangguan seksual yang dilalui oleh Informan D pula adalah daripada pelaku yang merupakan ahli keluarga sendiri yang tinggal sekediaman. Informan yang pada ketika itu berusia lima tahun telah dicitum secara keterlaluan oleh bapa saudaranya sendiri. Gangguan dialami secara kerap dan tidak disedari oleh ahli keluarga lain.

Individu lelaki dewasa yang sepatutnya melindungi kanak-kanak daripada ancaman telah melakukan gangguan seksual sehingga meninggalkan kesan terhadap informan. Dapatan kajian ini sebenarnya selari dengan penemuan terdahulu oleh Darmayanti (2018), Noremy et al. (2019), Khir & Rafsanjani (2018) dan Mitchell et al. (2014) yang menyatakan bahawa pengalaman gangguan seksual semasa kecil telah banyak dikenalpasti menjadi titik permulaan menimbulkan keinginan untuk terus dengan identiti seksual sebagai gay atau LGBT.

Naluri semulajadi tertarik sesama jantina

Naluri semulajadi dilaporkan sebagai faktor yang mempengaruhi keempat-empat informan kajian ini terlibat dalam hubungan romantik dan mempunyai ketertarikan seksual sesama jantina. Tema ini didedahkan oleh informan C dan D khususnya.

“...Lee macam personally ada perasaan ataupun tertarik dengan lelaki semasa darjah enam. Waktu itu seperti rasa benda itu daripada dahulu lagi sudah ada. Macam tiada apa-apa, macam kena, kan ada yang ada lah cerita-cerita yang pernah diraba oleh bapa saudara sendiri ke, sepupu sepatutnya ke, tapi Lee tiada, tiada langsung (tidak pernah ada pengalaman diganggu secara seksual oleh orang lain). Hanya rasa semulajadi suka kepada sama lelaki...”

(Informan C (24), IPTA 2)

“...saya sudah mula sedar dari kecil. Masa tu yang saya berada di dalam bilik air bersama kawan saya. Kami mandi bersama-sama, mandi tidak memakai baju, mungkin di situ yang saya kira ada rasa haa okay yang ini kelihatan seksi, ini nampak menarik. So, aku nak ke arah itu. Ya, itu lah yang jadi dari kecil. So, daripada situ lah dia seperti develop sikit-sikit, lama-lama dia jadi seperti makin suka. Makin rasa Okay, aku nak try, aku nak tengok ini, nak tengok itu (keinginan meneroka tubuh badan lelaki)...”

(Informan D (23), IPTS 2)

Analisis verbatim mengesahkan data informan yang dikaji bahawa mereka dipengaruhi oleh naluri semula jadi untuk terlibat. Penemuan faktor ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Noremy et al. (2019), Zhou, et al. (2014) dan Dewi & Indrawati (2017). Penyelidik terdahulu telah mendokumentasikan bahawa faktor personaliti dan naluri semulajadi seperti ciri naluri feminin dan mempunyai minat terhadap lelaki merupakan sebab informan terlibat dalam hubungan romantik dan tingkah laku seksual sesama jantina. Keyakinan informan kepada keperluan naluri semulajadi dan rasa selesa dengan perasaan yang wujud menjadi faktor kuat hubungan sesama jantina ini diteruskan. Menurut Bauermeister, et. al. (2011) dan Dwyer (2000), hubungan romantik merupakan perkara penting dalam kalangan individu yang terlibat homoseksual. Hubungan romantik yang dijalinan bersama pasangan sesama jantina dianggap mampu menjaga keselamatan dan keselesaan antara satu sama lain di samping menunjukkan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup berpasangan. Seperti mana hubungan pasangan berbeza jantina, individu yang menjalinkan hubungan romantik secara berterusan bersama pasangan sesama jantina juga akan memberikan komitmen sepenuhnya dalam perhubungan tersebut supaya penglibatan orientasi seksual dan perasaan terhadap pasangan kekal lama.

Pengaruh rakan berisiko gay

Penyelidik mendapati terdapat dua informan yang telah dipengaruhi oleh rakan untuk terjebak dalam hubungan romantik gay. Rakan-rakan tersebut telah mempengaruhi informan untuk bersama-sama menyertai mereka dan memperkenalkan jaringan rakan gay yang lain. Rakan-rakan informan juga kekal dengan amalan hubungan romantik dan adalah gay sehingga kini. Faktor tersebut telah dinyatakan oleh Informan A dan Informan B seperti yang berikut:

“...bila masuk di asrama and sekolah menengah right? Waktu itu, saya mula dikenalkan dengan satu kelompok manusia, kami seperti geng dan saya ditarik masuk ke dalam geng itu. Sebab kami sekolah lelaki, so, geng inilah yang menggantikan tempat perempuan...”

(Informan A (24), IPTA 1)

“...macam saya kenal dengan orang ini dan orang itu pun seperti itu juga and then dia lebih terbuka, so, dia macam lebih all out. So, saya rasa diri saya ini seperti “Okay, nak try, so, why not?” and then lama-kelamaan benda ini seperti, you know, normal thing, seperti itu...”

“...masa first kenal dia, tiba-tiba dia beritahu, dia duduk di tempat makan di kolej and then dia macam “Wow, eloknya orang itu.”. So, saya rasa terkejut “Wow, okay”...”

(Informan B (22), IPTS 1)

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa pengaruh daripada rakan berisiko telah menyebabkan informan untuk terlibat. Kenalan lelaki yang terlibat sebagai gay sebenarnya dianggap sebagai individu yang rapat dengan informan sekaligus mempengaruhi informan untuk mengikut jejak langkah akibat daripada pengaruh daripada mereka sendiri. Dapatan kajian oleh penyelidik ini sebenarnya selari dengan Abdullah & Noremy (2019), Rimbawati (2015), Irawan (2016) dan Zhou et al. (2014). Hasil kajian daripada pengkaji sebelum ini mendapati bahawa rakan-rakan informan yang mengamalkan hubungan romantik akibat ketertarikan seksual sesama jantina telah bercerita mengenai identiti dan penglibatan mereka sehingga informan sendiri terpengaruh untuk bersama-sama dalam jaringan rakan berisiko ini. Persekitaran universiti lebih matang dan pelajar semakin dewasa menjadi faktor signifikan informan mempunyai rakan yang lebih ramai dan pastinya lebih terbuka dengan identiti seksual apabila bertemu rakan yang sama kecenderungan. Tingkah laku seseorang individu boleh terhasil akibat daripada pengalaman dan pembelajaran daripada persekitaran yang meyakinkan.

Pengaruh negatif internet

Pengaruh negatif daripada internet sebenarnya boleh mendorong informan untuk terus terlibat dalam hubungan romantik dan seks sesama jantina. Kesemua informan kajian ini mendedahkan pernah melayari video mengenai lelaki dan melayari talian daripada aplikasi gay seperti *Growlr*, *Grindr*, *Hornet*, *Planet Romeo*, *Blued*, *Grizzly* dan *Daddy Hunt*. Keempat-empat informan pernah memuat turun aplikasi gay dan dua daripada empat informan suka melayari video mengenai lelaki sehingga menimbulkan rasa suka yang mendalam terhadap sesama jantina. Sebagai contoh Informan A dan D menyatakan :

“...a lot ! Hahaha. Contohnya Grindr, Growlr, Hornet, dulu masa muda-muda dulu kita main Planet Romeo. Planet Romeo itu waktu zaman Pak Kaduk lah, dia macam orang-orang yang besar tapi saya tidak tahulah sebab waktu itu saya suka explore. So, saya download Planet Romeo waktu dulu-dulu. Benda-benda itu saya start lambat tapi saya kenal aplikasi-aplikasi itu walaupun saya start lambat tapi sebelum itu memang saya kenal orang melalui macam sekolahkan, biasalah so ada senior-senior yang ajar. So, sekarang ini apps itu lah yang saya sering guna, ada sahaja apps lagi seperti Grizzly, apa lagi, Daddy Hunt...”

“...saya tidak terlalu fokus sangat kepada perkara-perkara untuk berkenalan (semasa melayari aplikasi), kadang-kadang tempat untuk saya meluahkan perasaan, tempat saya untuk mencari kawan, mencari pasangan pun pernah, mencari nak hook up pun pernah. Okay, secara general nya content saya general dan tidak berfokus seperti sesetengah orang yang stream itu kadang-kadang fokusnya untuk berkenalan sahaja, kadang-kadang fokusnya untuk bercerita sahaja. Saya sangat random, ikut mood saya setiap hari hahaha...”

“...contoh yang paling famous ialah Grindr, Blued, Growlr dan ada beberapa yang tidak atau kurang popular tapi saya ada download tapi tidak aktif. Itu sahaja tapi saya sudah uninstalled semua sudah lama dan sudah lama tidak masuk join dalam dunia orang panggil ‘apps’ ini...”

(Informan A (24), IPTA 1)

Kebebasan sejak berada di universiti kerana semakin dewasa menjadikan informan makin berani melayari aplikasi ini berbanding semasa di sekolah.

“...dia disebabkan oleh kita sebab dari semasa remaja lagi sudah tahu ada apps ini tapi seperti takut. So, sejak masuk universiti, dia macam sedikit bebas dan saya pun boleh download untuk tengok apa yang ada di dalam itu. Selepas itu, bagaimana untuk berkenalan dengan individu yang sama perasaan dengan kita, itu tujuan asalnya tetapi ya lah sebab apps ini kan macam-macam orang ada. So, dia untuk cari keseronokan ke, untuk apa-apa sahajalah. So, dia datang daripada rasa hendak cuba, hendak download itu. Itu sahaja...”

“...disebabkan oleh media, sebab dari kecil kita sudah tengok wanita ke lelaki ke yang berpakaian seksi dan mungkin ketika kecil saya terlalu tengok kepada bidang-bidang yang lelaki, maksudnya dalam cerita ke, dalam movie yang menunjukkan badan lelaki...”

(Informan D (23), IPTS 2)

Penyelidik mendapati pengaruh negatif daripada internet menjadi faktor yang berperanan mengekalkan status hubungan dan minat informan ke arah kehidupan gay. Majoriti informan mempunyai aplikasi gay kerana keinginan mencuba perkara baharu, berkenalan dengan individu lelaki yang mengamalkan tingkah laku yang sama, mencari pasangan dan untuk mengadakan hubungan seks sesama jantina. Hasil kajian ini mengukuhkan lagi penemuan penyelidik sebelum ini iaitu Zhang, Reynolds, Huang et al. (2022) yang membuktikan bagaimana pengaruh media sosial dan internet menggalakkan rasa seronok lelaki yang mempunyai naluri semulajadi terhadap sesama jantina. Informan mengakui kerap menonton video atau filem yang menunjukkan bentuk tubuh badan lelaki sehingga menimbulkan rasa suka yang mendalam terhadap lelaki. Dapatan kajian yang diperolehi oleh penyelidik ini mengesahkan penemuan kajian terdahulu yang dilakukan oleh Khir & Rafsanjani (2018), Grosskopf, LeVasseur & Glaser (2014) dan Goedel & Duncan (2015). Kumpulan penyelidik ini menyatakan pengaruh daripada internet boleh mendorong terhadap kenaikan jumlah golongan gay melalui pelayaran video gay dan mereka juga boleh memuat turun aplikasi gay melalui *Apps Store* atau *Google Play Store*. Keutamaan memuat turun aplikasi gay pula dengan tujuan utama berkenalan sesama gay dan mendapatkan pasangan secara rawak bagi melakukan hubungan seks (sesama jantina).

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan meneroka pengetahuan mahasiswa tentang risiko jangkitan HIV/AIDS, faktor keterlibatan dalam hubungan romantik dan ketertarikan seks sesama jantina. Banyak kajian terdahulu lebih menumpu kepada faktor keterlibatan dalam hubungan romantik dan ketertarikan seks sesama jantina tanpa mengaitkannya dengan kesedaran mahasiswa gay terhadap jangkitan HIV. Artikel ini telah membentangkan penemuan data penerokaan tentang pengetahuan HIV/AIDS dan faktor keterlibatan mahasiswa universiti dalam hubungan romantik serta ketertarikan seks sesama jantina. Empat informan telah ditemubual dan kesemua informan mengakui identiti sebagai gay yang mengadakan hubungan intim secara rutin bersama pasangan sesama jantina. Walaupun penemuan menunjukkan informan yang dikaji mempunyai pengetahuan asas berkenaan HIV/AIDS namun ketertarikan seks dan amalan romantik sesama jantina masih berterusan. Analisis lanjut mendapati kecenderungan ini diyakini berpunca daripada kepercayaan yang salah berkenaan kemampuan untuk mencegah daripada dijangkiti HIV. Kajian mencadangkan salah faham tentang risiko jangkitan HIV sebagai faktor baharu penyebab amalan seks sesama jantina secara berterusan dalam kalangan informan yang dikaji meskipun mereka tahu tentang risiko HIV/AIDS. Faktor utama yang telah dikenal pasti menyebabkan mahasiswa menjadi gay selain i) kurang kepekaan tentang jangkitan HIV adalah ii) pengalaman menjadi mangsa gangguan seksual semasa kecil, iii) pembentukan naluri semulajadi tertarik seks sesama jantina, iv) pengaruh persekitaran oleh rakan/komuniti berisiko gay dan v) pengaruh internet serta media sosial. Belia semakin terbuka dengan identiti seksual sebagai gay apabila mereka mula berada di universiti yang persekitarannya lebih mudah mewujudkan banyak jaringan dengan gay lain. Mahasiswa ini juga memperoleh akses maklumat tentang gaya hidup gay secara lebih banyak dan lebih terbuka berbanding semasa di sekolah. Faktor umur yang meningkat dewasa menjadikan mereka semakin berani meneruskan hubungan romantik dan kecenderungan aktiviti intim secara rutin boleh terus dibina apabila mendapat akses melayari internet dengan lebih bebas.

Pengetahuan HIV/AIDS yang tidak tepat berkemungkinan menunjukkan isu ini telah lama dikesampingkan sedangkan laporan prevalens HIV yang dikeluarkan oleh UNAIDS menunjukkan berlaku peningkatan kes jangkitan HIV pada 2020. Ketakutan risiko sebaran menjadi rendah apabila isu hubungan romantik sesama jantina ini sudah lama tidak diberi perhatian khusus kerana statistik lebih banyak menjurus kepada kes perkongsian jarum suntikan berbanding penyebaran HIV menerusi amalan seks sesama jantina di Malaysia. Intervensi kes amalan seks sesama jantina perlu dirancang oleh profesion menolong agar perkembangannya terkawal dan boleh diatasi daripada mencetuskan risiko lebih besar. Semua profesion yang membantu perlu sentiasa meletakkan kepentingan mengurangkan stigma dalam menangani isu sebagai matlamat intervensi. Usaha ini boleh dilakukan dengan mengambil perhatian tentang faktor keterlibatan mahasiswa seperti yang dibentangkan oleh kajian ini. Tinjauan kajian lanjutan juga perlu dilakukan dengan mengambilkira risiko dalam kalangan pelajar sekolah dan kanak-kanak. Sehingga kini, masih kurang kajian

dalam konteks tempatan yang dilakukan ke atas pelajar sekolah dalam mengenalpasti kecenderungan hubungan romantik dan ketertarikan seks sesama jantina. Pemahaman holistik berhubung isu ini pastinya dapat menyumbang kepada pembangunan intervensi bersesuaian oleh pelbagai pihak berkepentingan khususnya yang melibatkan kefungsi sosial remaja dan kanak-kanak.

Penghargaan: Penghargaan kepada semua informan yang telah bersetuju terlibat di dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan bagi penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdullah, F., & Akhir, N. M. (2019b). LGBT dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1–11. <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/download/286/232>.
- Abdullah, S. (2018). Aktiviti Negatif LGBT Boleh Bawa Kemusnahan Negara. <http://suhazeli.com/wp/aktiviti-negatif-lgbt-boleh-bawa-kemusnahan-negara>
- Akhir, N. M., Abdullah, F. & Kamaluddin, M. R. (2019). Faktor Pengaruh Mahasiswa Terlibat dalam LGBT di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Lembah Klang. *International Journal of Academic Research*. 6(2): 50-62.
- Bakar, Z. R. A. (2021). *Kedudukan LGBT di Malaysia*. <https://www.sinarharian.com.my/article/127256/KOLUMNIS/Kedudukan-LGBT-di-Malaysia>.
- Bauermeister, J. A., Leslie-Santana, M., Johns, M. M., Pingel, E., & Eisenberg, A. (2011). Mr. Right and Mr. Right Now: Romantic and casual partner-seeking online among young men who have sex with men. *AIDS and Behavior*, 15(2): 261–272. <https://doi.org/10.1007/s10461-010-9834-5>.
- Berita Harian. (2018). *Berita Harian Online. Bilangan gay, transgender semakin meningkat*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972>
- Biernacki, P., & Waldorf, D. (1981). Snowball Sampling: Problems and Techniques of Chain Referral Sampling. *Sociological Methods & Research*, 10(2), 141–163. <https://doi.org/10.1177/004912418101000205>.
- Blair, K. L., & Holmberg, D. (2008). Perceived social network support and well-being in same-sex versus mixed-sex romantic relationships. *Journal of Social and Personal Relationships*, 25(5), 769–791. <https://doi.org/10.1177/0265407508096695>.
- Blair, K. L. & Holmberg, D. (2016). Dynamics of Perceived Social Network Support for Same-Sex versus Mixed-Sex Relationships. *Personal Relationships*. 23 (1), 62–83. doi: 10.1111/pere.12111
- Darmayanti, Y. D., & Sumitri, S. (2018). Faktor penyebab perilaku laki-laki suka berhubungan seks dengan laki-laki (LSL) di Kota Bukit Tinggi Tahun 2016. *Jurnal Endurance*, 3(2), 213. <https://doi.org/10.22216/jen.v3i2.2784>.
- Deraman, S., Hamjah, S. H., Mokhtar, A. I., Asikin, A. N. A. & Raffar, I. N. A. Z. (2018). Identifikasi Identiti Biseksual dan Hubungannya dengan Aspek Sokongan Sosial dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Individu Biseksual di Melaka. *Jurnal Al-Hikmah*. 9(2), 113-130. <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/>.
- Dermawan, A. (2018, Oktober 29). *Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM. Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/>.
- Dewi, G. A. Y. & Indrawati, E. S. (2017). Pengalaman Menjadi Gay (Studi Fenomenologi pada Pria Homoseksual Menuju *Coming Out*). *Jurnal Empati*. 7(3),116-126. <https://ejournal-s1.undip.ac.id/index.php/empati/article/view/17826>.
- Dwilaksono, W. & Rahardjo, W. (2013). Kontrol Diri dan Perilaku Seksual Permisif pada Gay. *Proceeding PESAT (Psikologi, Ekonomi, Sastra, Arsitektur & Teknik Sipil)*. 5 : 108 – 115. ISSN: 1858-2559. <https://portal.issn.org/resource/>.
- Ghazali, S., Mapjabil, J. & Nor, A. M. (2011). Infrastruktur Komuniti dan Hubungannya dengan Golongan Transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. 18: 77-95.

- Goedel, W. C., & Duncan, D. T. (2015). Geosocial-Networking App Usage Patterns of Gay, Bisexual, and Other Men Who Have Sex With Men: Survey Among Users of Grindr, A Mobile Dating App. *JMIR Public Health and Surveillance*, 1(1), e4. <https://doi.org/10.2196/publichealth.4353>.
- Grosskopf, N. A., LeVasseur, M. T., & Glaser, D. B. (2014). Use of the Internet and Mobile-Based “Apps” for Sex-Seeking Among Men Who Have Sex With Men in New York City. *American Journal of Men’s Health*, 8(6), 510–520. <https://doi.org/10.1177/1557988314527311>.
- Harper, G. W., Serrano, P.A. , Bruce, D. & Jamil, O.B. (2009). The Role of the Internet in the Sexual Identity Development of Gay and Bisexual Male Adolescents. In : Phillip L. Hammack & Bertram J. Cohler. *The Story of Sexual Identity: Narrative Perspectives on the Gay and Lesbian Life Course Get access Arrow*. Oxford University Press.
- Harper, G. W., Serrano, P.A. , Bruce, D. & Bauermeister, J. A. (2016). The Internet's Multiple Roles in Facilitating the Sexual Orientation Identity Development of Gay and Bisexual Male Adolescents. *American Journal of Men’s Health*. 10(5), 359-76. doi: 10.1177/1557988314566227.
- Irawan, H. (2016). Faktor-faktor Mempengaruhi Menjadi Gay di Kota Samarinda. *Journal Sosiatri-Sosiologi*. 4(3), 235-248.
- Khair, A. M. & Rafsanjani, C. W. H. (2018). Faktor Keterlibatan Belia dalam Isu Gay di Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 145-159. <https://iyres.gov.my/images/MJYS/2018/>.
- Kubicek, K., Carpineto, J., McDavitt, B., Weiss, G., & Kipke, M. D. (2011). Use and perceptions of the internet for sexual information and partners: A study of young men who have sex with men. *Archives of sexual behavior*, 40(4), 803–816. <https://doi.org/10.1007/s10508-010-9666-4>.
- Laksana, A. S. & Lestari, D. D. (2010). Faktor-faktor risiko penularan HIV/AIDS pada laki-laki dengan orientasi seks heteroseksual dan homoseksual di Purwokerto. *Mandala of Health*. 4 (2), 113 – 123. <https://www.scribd.com/doc/95637920/>.
- Martin-Storey, A., & Crosnoe, R. (2012). Sexual minority status, peer harassment, and adolescent depression. *Journal of Adolescence*, 35(4), 1001–1011. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2012.02.006>.
- Mitchell, K. J., Ybarra, M. L., & Korchmaros, J. D. (2014). Sexual Harassment among Adolescents of Different Sexual Orientations and Gender Identities. *Child Abuse & Neglect*, 38(2), 280–295. <https://doi.org/10.1016/j.chiabu.2013.09.008>.
- Suwarti. (2010). Pengaruh Kontrol Diri terhadap Perilaku Seksual Remaja Ditinjau dari Jenis Kelamin pada Siswa SMA di Purwokerto. *Jurnal Sainteks*. 6(2): 37-46. <http://dx.doi.org/10.20473/brpkm.v1i2.29062>.
- Tan, T. (2018). The reality of Malaysia’s laws on homosexuality. R.AGE. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/09/04/>.
- UNAIDS (2022). *IN DANGER: UNAIDS Global AIDS Update 2022*. Geneva: Joint United Nations Programme on HIV/ AIDS; 2022. Licence: CC BY-NC-SA 3.0 IGO. <https://www.aidsdatahub.org/resource/>
- UNAIDS (2021). *HIV and gay men and other men who have sex with men*. Human Rights Fact Sheet Series 2021: UNAIDS. <https://www.unaids.org/>
- UNAIDS (2020). *Seizing the moment: tackling entrenched inequalities to end epidemics – global AIDS update*. Geneva: UNAIDS. <https://healtheducationresources.unesco.org/>
- UNAIDS (2015). UNAIDS Terminology Guidelines. Switzerland: UNAIDS. <https://www.unaids.org/en/resources/documents/2015>.
- Wagenaar, B.H., Sullivan, P.S. & Stephenson, R. (2012). HIV Knowledge and Associated Factors among Internet-Using Men Who Have Sex with Men (MSM) in South Africa and the United States. *PLoS ONE* 7(3): e32915. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0032915>.
- Zhang A, Reynolds NR, Huang C, Tan S, Yang G and Yan J. (2022). The process of contemporary gay identity development in China: The influence of internet use. *Front. Public Health* 10:954674. doi: 10.3389/fpubh.2022.954674.

Zhou, Y., Ding, Y., Gu, K., Lu, X., Gao, M., & He, N. (2014). Motivations for sexual risk behaviors among older men in Shanghai, China: a qualitative study. *BMC Public Health*, *14*(1). <https://doi.org/10.1186/1471-2458-14-802>